

Headline	<b>Bank Pertanian bantu penanam kenaf</b>	Language	<b>MALAY</b>
Date	<b>15. Mar 2008</b>	Page No	<b>23</b>
Media Title	<b>Utusan Malaysia</b>	Article Size	<b>200 cm<sup>2</sup></b>
Section	<b>Ekonomi</b>	Frequency	<b>Daily</b>
Circulation	<b>238082</b>	Color	<b>Full Color</b>
Readership	<b>833287</b>		



# Bank Pertanian bantu penanam kenaf

**KUALA LUMPUR** 14 Mac – Bank Pertanian Malaysia membayangkan tiada masalah pembiayaan bagi penanam yang memiliki menggantikan tembakau dengan ladang kenaf di bawah Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECER).

Bank itu, yang dipertanggungjawabkan menyalurkan skim pinjaman tembakau, menyatakan pembiayaan alternatif boleh ditawarkan atau aturan boleh dibuat bagi mengubah skim tembakau sekarang kepada ladang kenaf.

"Inisiatif ini adalah sebahagian dari usaha mengukuhkan kehadiran dan kedudukan bank dalam komuniti perladangan, terutamanya mereka yang terlibat dalam

projek di bawah ECER," kata Pengurus Besarnya, Martini Osman dalam satu kenyataan hari ini.

Penanaman kenaf diberi kedudukan utama kerana Kawasan Perdagangan Bebas ASEAN yang dikuatkuasakan pada 2010 akan menyaksikan Malaysia mengurangkan duti import tembakau, menjadikan penanaman tembakau kurang kompetitif di sini, demikian menurut sekretariat ECER.

Penanaman tembakau telah menjadi sumber pendapatan utama bagi kebanyakan isi rumah di pedalaman Kelantan dan Terengganu untuk sekian lama, katanya.

Di bawah ECER, keluasan kawasan sasar bagi kenaf ialah kira-kira 10,000

hektar. Ia dijangka meningkatkan pendapatan 10,000 pekebun kecil tembakau dan mewujudkan lebih banyak pekerjaan.

Pokok kenaf boleh diproses menjadi keratas, pakaian, bahan binaan, aksesori kereta dan bahan bakar bio.

Biji benih kenaf menghasilkan minyak sayuran yang boleh dimakan dan kaya antbahana pengoksidaan omega. Minyak berkenaan boleh juga digunakan untuk kosmetik, minyak pelincir industri dan bahan bakar bio.

Lembaga Tembakau Negara (LTN) menggalakkan para penanam menanam tanaman kenaf yang mempunyai potensi besar manakala Institut Penyelidikan Ve-

terinari, Institut Pembangunan Penyelidikan Pertanian dan Universiti Putra Malaysia telah menuahkan satu kumpulan teknikal kenaf.

Pengerusi LTN, Datuk Mohd Zain Ismail berkata, peruntukan sebanyak RM68 juta tahun lepas membantu mengurangkan bebanan penanam tembakau disebabkan pinjaman.

Diperingkat global, kenaf mencapai harga antara RM700 dan RM1,200 setan, dengan 95 peratus daripada pengeluaran kenaf global yang berjumlah tiga juta tan setahun disumbangkan China, Bangladesh, Thailand dan Myanmar.